

'Analisis kewangan BN tentang manifesto Pakatan tidak tepat'
Malaysian Insider
April 15,2013
Oleh Ida Lim

PETALING JAYA, 15 April — Rafizi Ramli hari ini menolak kenyataan yang mengelirukan Barisan Nasional (BN) berhubung manifesto Pakatan Rakyat (PR) yang mendakwa beliau mempunyai satu dokumen sulit yang diberikan kepadanya.

Pengarah Strategi PKR itu berkata unjuran kewangan oleh BN telah mengetepikan potensi penjimatan yang mana jelasnya akan dilaksanakan pentadbiran PR.

Rafizi mendakwa BN sengaja memanipulasi nombor mereka yang akan mewujudkan kesimpulan PR akan menyebabkan bajet defisit 13.2 peratus terhadap Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mengatakan anggaran perbelanjaan yang lebih tinggi dan pendapatan lebih rendah oleh kerajaan PR adalah salah.

"Saya akan tunjukkan bukti dalam beberapa hari lagi kedua-dua anggaran—anggaran kos terhadap program kami adalah salah dan anggaran kami akan menyebabkan kadar pulangan yang rendah juga salah," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat PKR di sini.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rafizi-analisis-kewangan-bn-tentang-manifesto-pakatan-tidak-tepat/>